

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO (SETEMPAT)

TARIKH: 7 DISEMBER 2017

MUKA SURAT: 06

Kuala Lumpur

Tipu ada lesen BNM beri pinjaman wang

Wujud sindiket dikesan menggunakan modus operandi baru 'menjual' nama Bank Negara Malaysia (BNM) kononnya bank pusat itu memberi lesen menjalankan perniagaan pemberi pinjaman wang.

Sindiket terbabit memperdaya ramai mangsa bahawa mereka memberi pinjaman wang dengan kelulusan BNM.

Namun mangsa perlu membuat bayaran awal seperti yuran pentadbiran, duti setem dan yuran guaman sebelum lesap bersama wang berkenaan.

BNM dalam kenyataan dikeluarkan semalam berkata, kegiatan penipuan ini dijalankan melalui laman sesawang, media sosial, panggilan telefon, khidmat pesanan ringkas (SMS), e-mel atau dalam bentuk

komunikasi lain.

"BNM mengingatkan orang ramai berhubung modus operandi aktiviti pemberian pinjaman wang haram yang dijalankan penjenayah menggunakan lesen pemberian pinjaman wang palsu yang kononnya dikeluarkan BNM, baru-baru ini.

"Tujuan penipuan ini untuk memperdaya orang ramai supaya dipercayai mereka pemberi pinjaman wang berlesen dan mengaburi orang ramai untuk membuat pembayaran awal bagi pelbagai tujuan berkaitan dengan pinjaman seperti perbelanjaan pentadbiran, duti setem dan yuran guaman," katanya.



SIJIL palsu yang digunakan sindiket untuk menipu mangsa.

Menurut kenyataan itu, BNM tidak mengeluarkan lesen pemberian pinjaman wang.